



KENYATAAN MEDIA
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Untuk Hebahan Segera

23 Oktober 2019

IRM LANCAR TABUNG RAYUAN MUSIM SEJUK

BANGI – Islamic Relief Malaysia (IRM) telah melancarkan kempen Rayuan Musim Sejuk pada 18 Oktober 2019 bagi mengumpul dana khusus untuk membantu mereka yang terkesan dengan ancaman cuaca sejuk melampau.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin, pihaknya menyasarkan kutipan bantuan sebanyak RM1 juta sehingga hujung Januari 2020 untuk disalurkan kepada para pelarian Syria yang berada di Utara Syria serta di Gaziantep sempadan Turki juga penduduk yang terjejas akibat gempa bumi baru-baru ini di Mirpur, Pakistan.

“Bantuan yang akan diberikan meliputi barang bukan makanan atau *Non-Food Items* (NFI) seperti jaket / baju sejuk, stokin, kasut, selimut, tilam, kayu api, arang, kanvas / *tarpaulin* dan plastik penebat haba. Keperluan ini amat penting bagi membantu mereka menghadapi cuaca sejuk yang boleh menjunam sehingga paras -1°C,” jelas Zairulshahfuddin.

Rentetan kejayaan pengumpulan dana bagi kempen musim sejuk tahun lalu, IRM meneruskan kesinambungan penggunaan pakej sebagai langkah promosi bagi memudahkan masyarakat memahami konsep bantuan yang disalurkan seterusnya menyertai kempen ini.

“Tahun ini, IRM menyediakan tiga pakej sumbangan dengan harga bermula serendah RM200 hingga RM350. Orang ramai boleh membuat pilihan mengikut kemampuan masing-masing seperti yang disenaraikan di dalam pakej.”

“Namun begitu, kami tidak menghalang sekiranya ada yang ingin menyumbang dengan jumlah yang kurang atau lebih dari pakej sedia ada,” tambah Zairulshahfuddin.

Dana yang dikumpulkan menerusi tabung ini bakal memberi manfaat kepada 795 buah keluarga pelarian di Syria, 800 buah keluarga pelarian Syria di Turki dan 140 buah keluarga di Pakistan.

Walaupun ancaman dan kesengsaraan menghadapi musim sejuk asing bagi masyarakat kita, namun IRM yakin dengan sokongan dan keprihatinan rakyat Malaysia, sasaran yang ditetapkan mampu dicapai dengan usaha bersama seperti yang kita realisasikan pada tahun lalu.

Cabaran cuaca sejuk melampau tidak boleh dipandang enteng. Menurut laporan agensi berita Aljazeera yang memetik kata-kata dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sekurang-

kurangnya 29 kanak-kanak dan bayi baru lahir maut akibat cuaca sejuk melampau dan hipotermia di timur laut Syria pada Januari lalu.

"Kehidupan sebagai pelarian sememangnya sangat menyedihkan. Tersepit antara konflik peperangan dan diuji dengan bencana alam, tiada apa yang tinggal untuk mereka sebagai bekalan dalam meneruskan kehidupan."

Tambah Zairulshahfuddin, "Setiap kali IRM mula melancarkan kempen '*winter appeal*', saya pasti akan terkenang pengalaman mengikuti misi kemanusiaan ke Kosova ketika bertemu dan bersalaman dengan sekumpulan kanak-kanak yang sedang menggigil menahan kesejukan yang menusuk ke tulang tanpa memakai sarung tangan, stokin dan baju tebal."

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu membantu dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang diuji khususnya kanak-kanak, bayi, kaum wanita dan warga emas kerana mereka golongan yang paling terdedah dengan ancaman maut ketika musim sejuk," akhiri Zairulshahfuddin.

Kempen Rayuan Musim Sejuk IRM akan berlangsung selama lebih 3 bulan dan akan berakhir pada 31 Januari 2020.

Pakej Sumbangan Kempen Rayuan Musim Sejuk:

Harga (RM)	Pakej	Jenis Sumbangan
200.00	Protect With Love	Jaket / Baju Sejuk, Kasut, Stokin
250.00	Comfort With Love	Selimut, Tilam, Plastik Penebat Haba
300.00	Stay Warm With Love	Kayu Api, Arang

Kempen Rayuan Musim Sejuk

Setiap tahun, Islamic Relief melaksanakan kempen Rayuan Musim Sejuk bagi mengumpul dana untuk disalurkan ke negara-negara yang mengalami musim sejuk meliputi rantau Timur Tengah, Asia dan Eropah Timur.

Di Timur Tengah, Islamic Relief menyasarkan bantuan lebih RM20 juta bagi membantu 28,750 penerima manfaat yang berada di Syria, Gaza, Iraq, Jordan, Lubnan, Tunisia dan Yemen dengan agihan barang bantuan seperti pakaian musim sejuk, kit kebersihan, alat pemanas serta bantuan baik pulih kediaman melibatkan bahagian bumbung, pintu dan tingkap.

Di Asia pula, Islamic Relief menyasarkan bantuan lebih RM9 juta meliputi paket makanan dan barang bukan makanan bagi membantu 207,000 individu daripada negara-negara seperti Afghanistan, Bangladesh, Myanmar, Nepal dan Pakistan.

Tidak ketinggalan kawasan Eropah Timur, Islamic Relief turut prihatin menyasarkan bantuan lebih RM3.2 juta untuk membantu 13,435 penerima manfaat di Albania, Macedonia, Kosova, Bosnia dan Chechnya. Bantuan yang akan disalurkan ialah paket makanan, kayu api, selimut, baju sejuk dan beberapa keperluan lain yang penting dalam menghadapi musim sejuk.

Tahun ini Islamic Relief Malaysia (IRM) memberi fokus kepada pelarian Syria di dalam Syria dan sempadan Turki kerana mereka masih kekal terperangkap dalam konflik yang tiada noktah sementara Mirpur, Pakistan pula terpilih susulan insiden gempa bumi yang melanda kawasan itu pada September lalu.

Mengenai Islamic Relief (IR)

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

Dikeluarkan oleh,

**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**

di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau

emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my

Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamicrelief.org.my /

whatsapp:+60196379788